

18 OCT 1997

Saleh-Litar

LITAR UJIAN KENDERAAN DIPINDAHKAN KE MUADZAM SHAH

PEKAN, 18 Okt (Bernama) -- Kumpulan DRB-Hicom mengenal pasti kawasan khas di Bandar Muadzam Shah sebagai tempat yang paling sesuai bagi pembinaan kawasan menguji kenderaan dan litar ujian yang akan dibina oleh kumpulan itu.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Wira Saleh Sulong hari ini berkata lokasi baru itu dipilih bagi menggantikan kawasan di Sungai Miang di sini yang sebelum ini dicadangkan untuk pembinaan litar ujian itu.

"Kajian awal terhadap kesesuaian tanah di Sungai Miang menunjukkan Muadzam Shah merupakan lokasi yang lebih baik untuk tujuan itu," katanya kepada pemberita selepas majlis perhimpunan pemimpin bersama rakyat di sini.

Perhimpunan itu yang disertai kira-kira 18,000 penduduk diadakan bagi menggantikan majlis pelancaran trak nasional dan Kompleks MTB yang sepatutnya disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Majlis pelancaran itu ditangguhkan ke suatu tarikh lain memandangkan Dr Mahathir kurang sihat kerana selsema.

Saleh berkata, kawasan menguji kenderaan dan litar ujian itu merupakan yang pertama seumpamanya di rantau Asia Tenggara dan terbuka kepada semua pihak untuk menguji kereta, motosikal, kenderaan perdagangan dan ketenteraan.

Ujian terhadap kenderaan-kenderaan itu bukan sekadar bagi aspek keselamatan dan kelajuannya sahaja tetapi juga keupayaannya menghadapi pelbagai keadaan, katanya.

Mengenai kenaikan duti import terhadap pelbagai kenderaan, termasuk kenderaan pacuan empat roda yang diumumkan pada pembentangan belanjawan semalam, Saleh berkata Kumpulan DRB-Hicom berpendapat belanjawan yang dibentangkan itu merupakan langkah yang tepat bagi menangani kejatuhan nilai ringgit.

Sebagai sebuah syarikat yang terbabit dengan industri otomobil, DRB-Hicom tetap menerima hakikat itu sebagai sesuatu yang tidak perlu diratapi, katanya.

Mengenai pelancaran trak nasional, Saleh berkata ianya akan dilakukan dalam tempoh terdekat kerana pihaknya tetap inginkan pelancaran itu dilakukan oleh Perdana Menteri sendiri memandangkan sumbangan beliau (Dr Mahathir) ke arah kejayaan DRB-Hicom. -- BERNAMA

ROS PR